

**Ongkili: Penduduk perlu buktikan kekurangan lesen Lynas**  
**The Malaysian Insider**  
**15 April , 2012**  
**Oleh Shannon Teoh**

KUALA LUMPUR, 15 April — Tiga permohonan rayuan yang dibuat ke atas Lynas Corp di Kuantan harus mengemukakan maklumat baru yang membuktikan pihak berkuasa tersilap dalam memberikan syarikat pelombongan Australia itu Lesen Operasi Sementara (TOL), kata Datuk Seri Maximus Ongkili.

Menteri Sains, Teknologi, dan Inovasi itu berkata kepada The Malaysian Insider, rayuan untuk pihaknya ditetapkan pada Selasa ini adalah berdasarkan Akta Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) yang membolehkan "mereka boleh mengemukakan maklumat tambahan atau yang lebih kukuh yang belum dikemukakan sebelumnya".

"Itu terpulang kepada mereka, bukan saya, untuk menyatakan keputusan lembaga salah. Jadi beri saya maklumat dan fakta bahawa itu bukan keputusan yang baik.

"Terpulang juga kepada mereka untuk meyakinkan saya, lembaga telah melakukan kesilapan," katanya dalam temuramah baru-baru ini.

"Saya tetap merasakan lembaga berkenaan telah membuat keputusan sebelum ini.

"Sekiranya mereka ada maklumat terbaru, saya perlu melihatnya dan memutuskan perkara itu," tambah menteri itu lagi.

The Malaysian Insider Khamis lalu tiga daripada enam petisyen terhadap lesen sementara Lynas Corp untuk kilan bernilai RM2.3 juta di Kuantan sejak 17 April lalu telah diberikan sesi pendengaran kementerian berhubung perkara itu untuk fokus kepada semakan perundangan terhadap lesen kilang berkenaan.

Namun Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Rohana Yusuf menolak permohonan 10 penduduk untuk menghentikan kilang nadir bumi Lynas kerana beliau enggan memalukan Ongkili (gambar) yang mana beliau perlu membuat keputusan berbeza daripada mahkamah berhubung TOL.

Pengerusi Save Malaysia Stop Lynas (SMSL) Tan Bun Teet mengesahkan sementara beliau dan dua lagi rakannya dikeluarkan, timbalannya akan mengetuai sekumpulan individu untuk bertemu dengan Agensi Nuklear Malaysia di Bangi Selasa ini.

Januari lalu, AELB telah memberikan TOL kepada Lynas namun tidak mengeluarkan permit selagi syarikat itu tidak menyatakan langkah-langkah keselamatan mereka.

Mereka kemudiannya minggu lalu berkata tidak akan memberikan TOL kepada Lynas Corp hingga rayuan menteri sains, teknologi, dan inovasi selesai.

Selasa lalu, anak syarikat Lynas Corp Malaysia berkata kilang itu sedia untuk beroperasi dalam tempoh tiga minggu lagi.

Pengkritik mendakwa Lynas Corp gagal untuk memberikan jaminan kukuh bagaimana mereka akan menguruskan kadar sisa buangan radioaktif rendah yang akan dikeluarkan kilang tersebut.

Namun syarikat pelombong Australia itu mengulangi dakwaan mereka bahawa sisa berkenaan tidak mengandungi bahan radioaktif yang tinggi dan boleh diproses semula untuk tujuan komersial.

Dengan protes yang berterusan, daripada pembangkang telah memaksa kerajaan daripada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen mengkaji semula projek berkenaan.

Bagaimanapun, Pakatan Rakyat (PR) menolak untuk terlibat dalam panel itu kerana melihatnya sebagai satu cubaan untuk "membersihkan" tuduhan bahaya pencemaran radioaktif yang bakal dihasilkan kilang berkenaan.

Mereka telah berjanji akan menutup kilang itu sekiranya berjaya merampas kuasa pada pilihan raya umum akan datang.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ongkili-penduduk-perlu-buktikan-kekurangan-lesen-lynas/>